

KENYATAAN MEDIA



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP
No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,
62623 Putrajaya
No. Telefon : 03-8882 5562
No. Fax : 03-8882 5569

PENGGUNA BERDAYA, NEGARA RAHMAH SEJAHTERA

BUKIT JALIL, 30 JULAI 2023 – Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri pada hari ini telah merasmikan Majlis Perasmian Hari Pengguna Kebangsaan (HPK) 2023 yang bertemakan “Pengguna Berdaya, Negara RAHMAH Sejahtera” di Piazza, Pavilion Bukit Jalil, Kuala Lumpur.

2. Untuk makluman, **Hari Pengguna Kebangsaan** saban tahun disambut pada tanggal **15 Mac** bersama-sama **Sambutan Hari Hak-Hak Pengguna Sedunia atau *World Consumers Rights Day (WCRD)*** diperingkat global. Walau bagaimanapun, tahun ini negara kita menyambut **Hari Pengguna Kebangsaan 2023 (HPK) pada bulan Julai iaitu 28 hingga 30 Julai 2023**.
3. Secara prinsipnya, hari pengguna tidak terhad hanya pada 15 Mac setiap tahun tetapi sepanjang masa. Ini kerana **keperluan menjadi pengguna yang bijak dan berpengetahuan diperlukan dalam setiap aktiviti seharian kita seperti sewaktu membeli barang, memilih perkhidmatan, mendapatkan maklumat, mendapatkan pampasan, hak bersuara dan banyak lagi**. Oleh itu, **KPDN** sentiasa peka dan cakna terhadap usaha untuk menjadikan setiap penduduk atau rakyat di Malaysia seorang yang tahu hak dan berani untuk bertindak mendapatkan hak mereka. Namun, pelaksanaannya perlulah dengan menggunakan saluran dan peruntukan undang- undang, atau peraturan yang disediakan seiring dengan **Tema HPK** pada tahun ini, **“Pengguna Berdaya, Negara RAHMAH Sejahtera”**.

4. Tema ini telah di rangka dan dibahagikan kepada **dua (2) bahagian** iaitu **Pengguna Berdaya dan Negara RAHMAH Sejahtera**. **Pengguna Berdaya** ialah pengguna yang berpengetahuan, tahu hak dan berani bertindak yang merupakan matlamat utama **KPDN** kepada rakyat Malaysia. **Negara RAHMAH Sejahtera**

pula merupakan negara yang menjaga ekonomi dan kebajikan rakyat dengan mewujudkan persekitaran ekonomi yang adil di atas prinsip kasih sayang.

5. Antara aktiviti-aktiviti yang diadakan pada **HPK 2023** adalah seperti Pertandingan eSports, Pertandingan Mewarna, Cabaran Troli Pengguna, Consumer Got Talent, Pertandingan Cosplay, Pertandingan Fesyen Kepenggunaan dan bermacam lagi. Pada masa yang sama, turut berlangsung Penyampaian Anugerah Penggerak Kepenggunaan 2023, dan juga Penyampaian Hadiah bagi pertandingan A Capella Kepenggunaan, Sketsa Kepenggunaan dan Choral Speaking Kepenggunaan.

6. Untuk makluman semua, **KPDN** merupakan sebuah Kementerian yang bertanggungjawab berkenaan hal ehwal perlindungan pengguna. **Bahagian Gerakan Kepenggunaan (BGK)** merupakan bahagian teras **KPDN** yang bertanggungjawab dalam urusan penerimaan dan juga dalam pengurusan aduan pengguna. Pengurusan aduan di Kementerian ini bersifat *one stop centre* yang diselaraskan melalui pewujudan **Pusat Pengurusan Aduan Pengguna (PPAP), KPDN bermula pada 26 Mei 2010.**

7. Kementerian ini telah menyediakan **sembilan (9) saluran aduan kepada pengguna** dalam usaha membantu memperkasa dan menegakkan hak-hak pengguna di Malaysia. Saluran-saluran tersebut adalah:

- I. Aplikasi telefon Pintar – (ezAdu);
- II. Portal e-Aduan (<http://eaduan.kpdn.gov.my>);
- III. Talian Whatsapp (019-279 4317 / 019-848 8000)
- IV. Talian Hotline (1-800-886-800)
- V. Emel (e-aduan@kpdn.gov.my);
- VI. Enforcement Command Centre (ECC);
- VII. Bilik Gerakan Penguatkuasa Negeri;
- VIII. Hadir sendiri ke pejabat KPDN terdekat; dan
- IX. Surat.

8. **KPDN** selaku pelindung dan penegak hak pengguna sentiasa berusaha dalam menjalankan pelbagai program dan kempen advokasi kepenggunaan sebagai usaha untuk mendidik masyarakat. Program advokasi kepenggunaan telah dilaksanakan kementerian melalui pelbagai saluran seperti media

konvensional, digital dan pengangkutan awam. Antaranya adalah program advokasi kepenggunaan melalui platform media sosial Kementerian, selebriti atau *influencer* dan penyiaran video infografik di televisyen kaunter kerajaan. Seterusnya, semoga tema “**Pengguna berdaya, Negara RAHMAH Sejahtera**” dapat direalisasikan seiring dengan **visi dan tekad gagasan Malaysia MADANI**.

**KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP,
BUKIT JALIL, KUALA LUMPUR, 30 JULAI 2023.**

###

LATAR BELAKANG

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) telah ditubuhkan pada 27 Oktober 1990. Matlamat penubuhan Kementerian adalah untuk menggalakkan pembangunan perdagangan dalam negeri yang berdaya maju, berdaya saing, dan berdaya mampan, khususnya di dalam sektor perdagangan pengedaran.

Sektor perdagangan pengedaran adalah antara penyumbang utama KDNK negara dan ia bertindak sebagai benteng kestabilan ekonomi, terutama semasa situasi ekonomi luaran berada di dalam keadaan ketidaktentuan. Perdagangan pengedaran perlu kukuh bagi menampung sebarang ketidakstabilan dalam ekonomi negara.

Dalam masa yang sama, Kementerian juga komited dalam melindungi kepentingan dan hak-hak pengguna. Ini termasuk membangunkan ekosistem pengguna dan peniaga yang bersifat melengkap dan ke arah *self-regulated*, seiring dengan aspirasi ke arah masyarakat negara maju. Ia diharapkan akan melahirkan pengguna dan peniaga yang matang dan beretika dalam berurusniaga, dan hasilnya adalah negara yang seimbang dari segi ekonomi dan sosial.

Agensi di bawah KPDN:



SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA
COMPANIES COMMISSION OF MALAYSIA



Perbadanan Harta Intelek Malaysia
Intellectual Property Corporation of Malaysia



SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA
MALAYSIA COMPETITION COMMISSION